

Cabaran era digital banteras rasuah

Keterbukaan maklumat, ekonomi rentas sempadan menuntut penyelidikan yang lebih strategik

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SEPANG



Azam (dua dari kanan) semasa Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4 di Sepang pada Khamis.

Cabaran baharu era digital, keterbukaan maklumat dan ekonomi rentas sempadan menuntut penyelidikan yang lebih strategik dalam usaha membanteras rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, dalam dunia yang semakin kompleks, usaha mencegah rasuah dan meningkatkan ketelusan memerlukan pendekatan berasaskan fakta, bukti serta penyelidikan berimpak tinggi.

Menurutnya, kajian bersifat empirikal memberi sumbangan besar dalam mengenal pasti jurang dan kelemahan dalam dasar, pelaksanaan serta sistem sedia ada.

"Malah, ia menjadi asas penting dalam pembentukan polisi berasaskan data yang lebih mampan, berfokus dan efektif.

"Penyelidikan berbentuk empirikal memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar negara yang bersifat lestari dan berasaskan bukti. Tanpa data dan

analisis tepat, kita berisiko menggubal dasar-dasar yang tidak menepati keperluan sebenar rakyat dan negara," katanya semasa berucap di Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4 di sini pada Khamis.

Penyelidikan ini melibatkan 10 universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) selain Institut Integriti Malaysia (IIM).

Jelasnya, negara-negara seperti Hong Kong, Austria dan Korea Selatan telah membuktikan bahawa dasar antirasuah yang berlandaskan data bukan sahaja membantu mengenal pasti kelemahan sistem, malah menjadi pemacu kepada reformasi pentadbiran dan peningkatan daya saing ekonomi.

"Beberapa negara yang berjaya melaksanakan dasar antirasuah dan reformasi tadbir urus sebenarnya memulakan usaha mereka melalui penyelidikan awal, kajian empirikal dan analisis risiko secara menyeluruh.

"Sebagai contoh, Estonia tidak terus membangunkan sistem digital secara besar-besaran, tetapi memulakan inisiatif X-Road melalui pelaksanaan berperingkat dan kajian kebolehlaksanaan yang mendalam, melibatkan sektor kerajaan dan swasta.